



MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berkelayakan bagi mengisi jawatan kosong di Pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

1. (a) Jawatan : **PEGAWAI UNDANG-UNDANG GRED L41**
(b) Jabatan : Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan Dan Profesional
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman

2. Tanggagaji - Gred L41 : - RM2,248.08 (minimum) – RM6,860.55 (maksimum)
- Elaun Khidmat Awam RM300.00
- Imbuhan Tetap Perumahan RM250.00
- Bantuan Saraan Hidup RM300.00

3. Syarat Lantikan: (a) (i) Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; ATAU
(ii) Lulus Peperiksaan Akhir Peguam (Bar Final Examination); DAN
(b) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Diskripsi Tugas: (a) Membantu Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dalam urusan perundangan, memberi nasihat perundangan, mewakili Majlis di mahkamah dan mengendalikan lain-lain tugas yang berkaitan dengan perundangan.
(b) Mahir dalam bidang perundangan sivil dan syariah adalah satu kelebihan.

- 5 (a) Jawatan : **PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N27**
(b) Jabatan : Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana

- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan
6. Tanggagaji - Gred N27 : - RM1,361.14 (minimum) – RM4,427.94 (maksimum)
- Elaun Khidmat Awam RM160.00
 - Imbuhan Tetap Perumahan RM180.00
 - Bantuan Saraan Hidup RM300.00
7. Syarat Lantikan: (a) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan ; atau
- (ii) Diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (iii) Diploma dalam bidang pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (b) Kepujian Bahasa Malaysia (termasuk lulus Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
8. Diskripsi Tugas: (a) Membantu dalam urusan pentadbiran di Bahagian Wakaf.
- (b) Kemahiran dalam urusan pentadbiran tanah adalah satu kelebihan.
9. (a) Jawatan : **PEMBANTU TADBIR GRED N17**
- (b) Jabatan : Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan
10. Tanggagaji - Gred N17 : - RM927.03 (minimum) - RM3,089.68 (maksimum)
- Elaun Khidmat Awam RM115.00
 - Imbuhan Tetap Perumahan RM180.00
 - Bantuan Saraan Hidup RM300.00

11. Syarat Lantikan: (a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; DAN
- (ii) Keujian Bahasa Malaysia /Bahasa Melayu termasuk lulus Ujian Lisan pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- (b) (i) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (ii) Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer.
12. Diskripsi Tugas: Membantu dan melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan pentadbiran, perkhidmatan dan kewangan di Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.
13. (a) Jawatan : **PEMANDU KENDERAAN GRED R3**
- (b) Jabatan : Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Mahir, Separuh Mahir Dan Tidak Mahir
14. Tanggagaji - Gred R3 : RM792.60 (minimum) - RM2,007.76 (maksimum)
- | | |
|---------------------------|----------|
| - Elaun Khidmat Awam | RM95.00 |
| - Imbuhan Tetap Perumahan | RM180.00 |
| - Bantuan Saraan Hidup | RM300.00 |
15. Syarat Lantikan: (a) (i) Tamat darjah 6 Sekolah Rendah Bantuan Penuh Kerajaan;
- (ii) Memiliki lesen memandu Kelas D/E1/E2/F/G/H/I mana berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
- (iii) Berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan bermotor berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.
- (b) Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan baik.

16. Diskripsi Tugas: Memandu dan mengurus penyelenggaraan kenderaan di Rumah Transit Saudara Kita.

17. Taraf Jawatan : (a) Jawatan di no. 1, 9, 13 - Kontrak
(b) Jawatan di no. 5 – Tetap

17. **CARA MEMOHON**

- (a) Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang yang boleh diperolehi secara **PERCUMA** melalui laman web.: www.mainpp.gov.my.
- (b) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran 32sm x 22sm.
- (c) Permohonan yang berikut akan ditolak:-
 - (i) Tidak menggunakan borang permohonan permohonan jawatan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.
 - (ii) Tidak lengkap atau tidak terang.
 - (iii) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan.
 - (iv) Tidak disertakan gambar atau salinan dokumen yang diperlukan.
 - (v) Tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai yang sedang berkhidmat; dan
 - (vi) Tidak ditandatangani.

18 PERMOHONAN HENDAKLAH DISAMPAIKAN KEPADA;

**Setiausaha,
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang,
Tingkat 8 & 9, Menara UMNO,
No.128, Jalan Macalister,
10400 PULAU PINANG.**

pada atau sebelum **30 Ogos 2013**

Catatan Am

- (a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
- (b) Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Segala perbelanjaan bagi urusan temuduga hendaklah ditanggung oleh calon-calon sendiri.
- (d) Hanya calon-calon yang berjaya dalam urusan temuduga akan dimaklumkan.
- (e) Keutamaan akan diberi kepada anak Negeri Pulau Pinang, cergas dan mempunyai daya inisiatif/ komitmen yang tinggi dalam tugas yang dipertanggungjawabkan.